

18/07/1998

Air: Pahang sudah buat persediaan

Sariha Mohd Ali

KUANTAN, Jumaat - Kerajaan Pahang akan membuat persediaan awal bagi membolehkan projek menyalurkan air dari negeri ini ke Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dilaksanakan segera.

Ini termasuk mengenal pasti tanah rizab untuk laluan paip, pembinaan pusat simpanan air dan empangan.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata persediaan awal itu selaras arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta proses penyaluran bekalan air ke Selangor dan Kuala Lumpur dimulakan sekarang.

Beliau berkata, satu kumpulan kerja membabitkan kementerian berkaitan dan kerajaan negeri, dibentuk bagi mengkaji dan menguruskan projek pembekalan air itu.

"Kita mematuhi keputusan yang dicapai dalam mesyuarat ke-77 Menteri Besar dan Ketua Menteri yang dipengerusikan Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri (JPM), semalam, mengenai hal terbabit.

"Sebagai langkah awal membekalkan air dari Pahang ke Selangor dan Kuala Lumpur, kita akan mengenal pasti tanah rizab yang terbabit bagi dijadikan laluan paip, pembinaan pusat takungan air dan empangan.

"Walaupun kajian menyeluruh berhubung projek itu membabitkan pelbagai aspek, tetapi kajian dimulakan dengan masalah tanah dahulu kerana ia penting dan menjadi asas kepada pelaksanaan projek," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pembukaan pejabat Aetna Universal Insurance Berhad (AUIB) cawangan Kuantan, di sini, hari ini.

Turut hadir Pengerusi AUIB, Tengku Abdullah Sultan Abu Bakar dan Naib Presiden Kanan Aetna International Inc, James E Simon.

Selain pembekalan air dari Pahang ke Selangor dan Kuala Lumpur, mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri semalam turut membincangkan fungsi Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri meningkatkan pengeluaran makanan tempatan bagi mengurangkan import bahan itu, menggalakkan industri tempatan serta cadangan langkah pembersihan tumpahan minyak di perairan dan pantai negeri.

Sementara itu, mengulas banjir lumpur di Kampung Kuala Sentul, Maran, Jumaat lalu, sehingga merosakkan 100 rumah penduduk dan seorang lelaki lumpuh maut, Mohd Khalil berkata, kejadian itu bukan disebabkan pembalakan di situ.

Sebaliknya, beliau berkata, banjir disebabkan Sungai Yeh berdekatan kampung itu, tidak dibersihkan, menyebabkan pengaliran air tersekat.

"Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pahang sepatutnya membersihkan sungai itu pada setiap tahun kerana peruntukannya sudah disediakan.

"Bagaimanapun saya fikir, JPS belum membersihkannya kerana mereka mungkin menjangka masih awal untuk berbuat demikian berikutan musim tengkujuh biasanya berlaku pada akhir tahun tetapi pada tahun ini, hujan lebat mula turun pada bulan lalu dan bulan ini," katanya.

Berikutan itu, katanya, beliau mengarahkan JPS melaksanakan projek membersihkan sungai di negeri ini dengan segera bagi mengelak kejadian yang sama berulang.

Berhubung bantuan kepada penduduk kampung terbabit, beliau berkata, kerajaan negeri masih menunggu laporan wakil rakyat kawasan itu yang sedang berusaha mengumpul maklumat mengenai masalah mereka.

(END)